

106,000 lepas kewarganegaraan Malaysia

U.M 22/11/07 M157



Laporan HATA WAHARI
dan S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 21 Nov. - Kira-kira 106,000 rakyat negara ini melepaskan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 23 Perlembagaan Persekutuan semenjak negara mencapai kemerdekaan sehingga hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Abdul Rahman Ibrahim berkata, mereka sebaliknya memohon kerakyatan di 37 buah negara seperti India, Amerika Syarikat, Pakistan, Singapura, Jepun, Fiji dan Australia.

Menurut beliau, dalam tempoh lima tahun sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 16,747 rakyat Malaysia telah melepaskan kerakyatan mereka.

Tambahnya, berdasarkan jumlah itu, kaum Melayu yang menolak status warganegara mereka ialah sebanyak 1,098 orang, Cina (14,316), India (822) dan lain-lain (238).

“Mereka ini memohon kerakyatan mereka di luar negara kemungkinan disebabkan tawaran pekerjaan yang lumayan dan peluang persekolahan anak-anak mereka yang lebih

baik,” katanya.

Abdul Rahman berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading)** dan **Datuk Firdaus Harun (BN-Rembau)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mohamed dalam soalnya meminta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah warganegara Malaysia yang melepaskan kerakyatan mengikut pecahan kaum sejak tahun 2000 hingga Disember 2006.